

DEFINISI DAN KONSEP KEMISKINAN BANDAR : SATU KAJIAN LITERATUR

Zahanim Ahmad
zahanim@kuis.edu.my
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kemiskinan merupakan masalah yang amat rumit dan memberi impak kepada pembangunan negara. Semua pihak perlu memandang isu kemiskinan sebagai suatu isu yang boleh dilihat dari pelbagai aspek dan perspektif sama ada dari sudut perumahan, keperluan pendidikan, kemiskinan bandar dan sebagainya. Isu-isu golongan miskin di bandar perlu ditangani dengan lebih serius kerana 60 peratus daripada penduduk negara tinggal di kawasan bandar. Kertas kerja ini akan membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut berasaskan kepada kajian literatur khususnya di Malaysia. Selanjutnya kertas kerja ini juga akan merumuskan faktor yang menyumbang kepada kemiskinan bandar, hubungkait dan cadangan beberapa pendekatan yang berkesan untuk mengatasinya kearah mencapai kesejahteraan bandar.

Kata kunci: *kemiskinan, kemiskinan bandar,*

PENGENALAN

Kemiskinan bandar merupakan suatu fenomena yang sering dihadapi oleh bandar-bandar didunia termasuk di negara-negara maju seperti Amerika dan Jepun. Daripada Mitlin (2003) merujuk kepada World Development Report (World Bank, 1999) mendapati sejumlah 495 juta golongan miskin bandar pada tahun 2000 yang terdiri daripada golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Fenomena ini memberi tamparan dan cabaran yang hebat kepada negara yang mengalaminya kerana ia mencetuskan berbagai permasalahan di bandar yang menjejaskan kualiti serta taraf hidup penduduk bandar. Oleh itu, ramai pengkaji yang memberi tumpuan terhadapnya seperti (Yao et al., 2003; Nor Aini & Chamhuri, 2003; Satterthwaite, 2001; Fang et al., 2000; Mitlin, 2003; Mohd. Taib Dora, 2000).

Isu kemiskinan sudahpun menjadi fokus secara langsung mahupun tidak langsung di dalam inisiatif-inisiatif pembangunan sejak di akhir era koloni antara tahun 1940-an hingga 1950-an (UN ESCAP, 2000). Bagi sesetengah negara di wilayah Asia dan Pasifik khususnya di negara sedang membangun seperti China, India dan Indonesia, kemiskinan bandar adalah satu permasalahan serius yang menjadi fokus utama dalam inisiatif atau polisi pembangunan. Ini kerana kemiskinan bandar mencetus berbagai masalah di bandar seperti permasalahan setinggian bandar, kemiskinan, peningkatan kes jenayah dan masalah sosial, penurunan taraf kesihatan dan tahap keselamatan, pengabaian terhadap pendidikan anak-anak dan berbagai permasalahan alam sekitar khususnya pencemaran. Oleh itu, kemiskinan bandar menyebabkan penduduk sentiasa berhadapan dengan keadaan yang tidak selamat sama ada di dalam mahupun di luar tempat tinggal. Berbagai masalah yang dicetuskan oleh kemiskinan bandar pula saling mempengaruhi di antara satu dengan yang lain.

LATAR BELAKANG


Pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan adanya prasarana yang lengkap telah menjadikan bandar-bandar di Malaysia sebagai pusat tumpuan untuk mencari pekerjaan. Pertambahan penduduk di bandar meningkatkan lagi masalah kemiskinan bandar. Kehidupan di bandar memerlukan kos sara hidup yang tinggi. Tinggal di bandar bermakna hidup dalam ekonomi kewangan dimana wang ringgit tunai perlu dijana untuk hidup. Ini menyebabkan golongan miskin bandar mengalami tekanan hidup berkaitan dengan kos sara hidup, harga rumah yang tinggi, pengangkutan serta harga barangan dan perkhidmatan. Kerajaan telah melakukan pelbagai usaha untuk membasmi kemiskinan bandar seperti Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) namun isu kemiskinan bandar masih belum dapat diselesaikan sepenuhnya dan dijangka akan menjadi lebih parah dengan kedatangan pekerja asing. Kehadiran warga asing menambahkan lagi isu kemiskinan bandar. Warga asing telah merampas peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan, selain itu juga semua kemudahan yang diperuntukkan untuk rakyat tempatan seperti perumahan dikuasi oleh warga asing. Sesetengah warga asing telah membina rumah dikawasan setingan. Ini menambahkan lagi kemiskinan bandar di Malaysia. Wan Nor Azriyati et all (2011), 1990 warga asing membentuk kira-kira 7.0%, tahun 1995 meningkat kepada 12.6% dan 17.5% pada tahun 1997. Kebanyakan daripada mereka tinggal di kawasan bandar kerana peluang pekerjaan yang lebih baik di kedua sektor formal dan tidak formal. Kehadiran mereka dalam jumlah yang besar di kawasan bandar secara tidak langsung telah menghadkan kemudahan kepada rakyat Malaysia terutamanya perumahan. Oleh itu, warga asing bukan sahaja menyumbang kepada bilangan penduduk tempatan yang tinggal dalam kemiskinan tetapi juga telah meningkatkan kadar kemiskinan negara. Cadangan bagi mengatasi masalah ini kerajaan perlu membuka banyak peluang pekerjaan kepada golongan miskin dengan pendapatan yang setaraf. Kurangkan pengambilan pekerja asing bagi membuka peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

TEORI DAN KONSEP KEMISKININAN

Masalah kemiskinan merupakan punca utama kepada pelbagai masalah sosial. Terdapat banyak teori yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh sosiologi bagi menjelaskan punca-punca kemiskinan. Teori ini dikemukakan dengan harapan kefahaman terhadap kemiskinan lebih kritis dan memudahkan langkah-langkah untuk menangani dan mencegah masalah ini daripada terus berlarutan. Terdapat tiga penjelasan tentang teori ini iaitu Teori Penjelasan Budaya dan Teori Penjelasan Struktur dan Teori Ketidakcekapan Agensi.

Teori Penjelasan Budaya menekankan bahawa hubungan masalah kemiskinan dalam masyarakat adalah disebabkan oleh tingkahlaku yang mereka amalkan sentiasa mempengaruhi keputusan-keputusan yang mereka buat. Holman, (1978) telah membina satu pusingan ('Cycle of Deprivation') yang menunjukkan kesan berterusan daripada kegagalan proses sosialisasi.

The cycle of Deprivation



Sumber Holman, 1978

‘Cycle of Deprivation’ menjelaskan bagaimana kegagalan di peringkat sosialisasi awal anak-anak membawa kepada terbentuknya rangkaian kemiskinan. Pusingan ini menjelaskan keadaan ibu bapa yang mengalami kekurangan dari segi ekonomi serta mengalami masalah lain menyebabkan mereka tidak dapat memberikan sosialisasi yang positif kepada anak-anak mereka. Kegagalan ini menyebabkan anak-anak mengalami masalah perkembangan dari segi intelek, emosi dan sosial. Kegagalan di peringkat awal ini seterusnya akan dibawa ke sekolah. Di sekolah, anak-anak yang bermasalah ini dijangka kurang berjaya dalam persekolahan mereka. Kegagalan di sekolah akan menyebabkan mereka tidak mempunyai kelayakan. Satu-satunya peluang dalam pasaran buruh adalah dengan membuat kerja-kerja kurang mahir yang bergaji rendah. Gaji yang rendah ini akan menyebabkan berlakunya masalah rumah tangga. Akhirnya, apabila pasangan ini mempunyai anak, mereka tidak mampu memberikan pendidikan yang sepatutnya kepada anak-anak mereka. Pusingan ini bermula lagi dan dijangkakan generasi yang berikut akan mengalami nasib yang sama.

Teori Penjelasan Struktur menjelaskan wujudnya ketidakseimbangan dalam perolehan peluang. Perolehan peluang yang berbeza ini menyebabkan agihan ekonomi yang tidak seimbang dan seterusnya mewujudkan keadaan kaya dan miskin. Ketidakseimbangan berlaku dalam berbagai-bagai keadaan. Menurut Fisk E. K, (1962) bahawa kemiskinan disebabkan oleh ‘putaran ganas’(vicious circle). Putaran ini bertitik-tolak daripada keupayaan mobiliti sosial seseorang individu. Putaran ini bermula apabila berlaku kekurangan pendapatan menyebabkan simpanan rendah. Ini mengakibatkan mereka kurang mampu untuk mendapat pendidikan yang baik serta menyekat mobiliti sosial mereka.

Teori Ketidakcekapan Agensi (‘Deficiency Agency’) yang dikemukakan oleh Martin Rein pada pertengahan tahun 1960an pula menyatakan bahawa masyarakat memang sudah mempunyai rangkaian perkhidmatan kebajikan yang sepatutnya mampu mengatasi masalah miskin. Rangkaian ini sepatutnya membanteras kemiskinan dengan cara membantu mereka yang memerlukan.

Sekiranya kemiskinan masih berlaku, ini bermakna agensi-agensi ini telah gagal menjalankan tanggungjawab mereka. Kegagalan ini mungkin disebabkan oleh :

a. Masalah-masalah teknikal

Kegagalan untuk mengenalpasti dan membantu mereka yang memerlukan. Selain itu, masalah teknikal ini juga berlaku kerana golongan yang kurang memerlukan perkhidmatan agensi-agensi ini pula mengambil kesempatan. Bantuan tidak sampai kepada yang amat memerlukan.

b. Ketiadaan koordinasi dalam perkhidmatan

Agensi-agensi perkhidmatan ini biasanya cenderung untuk bergerak bersendirian. Keadaan ini menimbulkan masalah pertindihan peranan, tiada kesinambungan dan menimbulkan kekeliruan. Keadaan sedemikian menyebabkan agensi berkenaan tidak dapat berkongsi di antara satu sama lain. Masalah- masalah ini akan menghambat kecekapan agensi mereka. Dalam masa yang sama orang ramai yang memerlukan bantuan mereka tidak akan dapat menikmati bantuan itu tanpa melalui pelbagai karenah birokrasi.

c. Kegagalan di peringkat perkhidmatan utama

Kegagalan perkhidmatan-perkhidmatan utama seperti sekolah dijangka akan memburukkan lagi keadaan. Kegagalan di sekolah mungkin disebabkan oleh cara mengajar yang membosankan pelajar, sikap pilih kasih dan guru-guru yang tidak bermotivasi dalam meneruskan pengajaran mereka.

ISU-ISU BERKAITAN KEMISKINAN BANDAR

Kepadatan Kawasan Setinggan

Pertambahan penduduk di bandar memerlukan kemudahan dan perkhidmatan bandar seperti kemudahan perumahan yang meliputi kemudahan pembentungan, pembuangan sampah, rekreasi, persekolahan, kesihatan, bekalan air bersih, letrik dan sebagainya untk hidup selesa. Kekurangan rumah kos rendah serta harga rumah yang tinggi menyebabkan ramai golongan penghijrah mendirikan kawasan setinggan di tanah kerajaan. Ini telah merosakkan persekitaran bandar dan boleh menjejaskan imej negara. Golongan setingan telah dikenalpasti sebagai salah satu golongan miskin bandar. Dalam fasa pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang menggalakkan penghijrah golongan bumiputera ke bandar dan kawasan industri melalui strategi penyusunan semula masyarakat, namun status penghijrah bumiputera sebagai golongan miskin bandar tetap kekal. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merupakan pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk mentadbir ibu kota Kuala Lumpur. Datuk Bandar yang dilantik oleh Perdana Menteri mengetuai organisasi penting ini. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sentiasa diberi keutamaan bagi program untuk membasmi kemiskinan. Kerajaan berpegang kepada prinsip bahawa penyediaan rumah yang mencukupi akan dapat membasmi kemiskinan. Selaras dengan ini, DBKL telah lama komited untuk menyediakan perumahan kepada golongan miskinbandar dalam usaha untuk membasmi kemiskinan serta mencapai status bandar sejahtera (Wan Nor Azriyati et all, 2011).

Masalah Sosial

Kemiskinan sering kali dikaitkan dengan masalah sosial yang lain seperti keruntuhan moral di kalangan remaja, masalah penagihan dadah, pelacuran dan sebagainya. Jurang perbezaan sosio-ekonomi membuatkan wujudnya tekanan yang hebat dalam jiwa golongan miskin. Tekanan – tekanan seperti ingin mendapatkan wang dengan cepat mengakibatkan gejala curi, rompak, judi dan sebagainya berlaku. Ini mengakibatkan keharmonian negara terjejas. Kemiskinan juga boleh mengakibatkan konflik keluarga sehingga keruntuhan institusi keluarga. Apabila institusi keluarga runtuh, gejala sosial semakin berleluasa. Keadaan ini menambahkan lagi permasalahan dalam negara. Kemiskinan merupakan satu masalah sosial yang patut ditangani oleh semua pihak. Isu kemiskinan bandar lebih merupakan tanggungjawab sosial kerajaan. Langkah- langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah kemiskinan bandar telah banyak mengurangkan peratusan kemiskinan Bandar dari awal pelaksanaan Dasar Ekonomi baru (DEB) sehingga sekarang. Langkah tersebut termasuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Penswastaan Perumahan Setinggalan, Amanah Saham Bumiputera, Tabung Amanah IKHTIAR dan sebagainya. Namun, Pihak kerajaan perlu memantau kebajikan yang diperuntukan untuk golongan miskin ini disalurkan kepada yang memerlukan. Memastikan dasar-dasar yang digubal dapat membela golongan miskin tidak dipinggirkan.

Masalah Pendidikan Dalam Kalangan Warga Miskin Bandar

Jurang perbezaan kemiskinan yang masih wujud adalah membimbangkan kerana kemiskinan akan terus menjana kemiskinan dalam satu ‘kitaran ganas’ (vicious circle). Mengikut teori ini kemiskinan ini merujuk kepada keadaan kemiskinan atau perangkap kemiskinan. Keadaan ini boleh diumpamakan kemiskinan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi seterusnya. Kitaran ini bermula apabila berlaku kekurangan pendapatan menyebabkan simpanan rendah dan kurang mampu untuk mendapatkan pendidikan yang baik. Dalam kitaran ini, kemiskinan dan persekitaran menyebabkan pencapaian pendidikan yang rendah dan seterusnya mencambahkan kemiskinan. Contohnya, Kajian Sosioekonomi Rakyat Termiskin (Chamhuri, 1994 dalam Chamhuri, 2001) mendapati tahap pendidikan keluarga termiskin adalah lebih rendah berbanding bukan miskin iaitu antara 65-92 peratus ketua isi rumah termiskin cuma tamat sekolah rendah dan hanya 1-16 peratus tamat sekolah menengah rendah. Ahli isi rumah termiskin juga mempunyai tahap pendidikan yang rendah iaitu antara 29-77 peratus tamat sekolah rendah.

Masalah kemiskinan, kesempitan hidup, dan kewangan menyebabkan ibu bapa tidak mampu untuk menampung perbelanjaan sekolah anak-anak. Pelajar yang miskin didapati bekerja untuk membantu menyara keluarga, membantu ibu bapa bekerja dan membantu kerja rumah serta menjaga adik-adik ketika ibu bapa bekerja. Pihak berkuasa perlu memainkan peranan penting supaya isi rumah miskin dapat keluar daripada belenggu kemiskinan. Kajian terdahulu, contohnya Mohd Yusof (1994), Ishak (1996) dan Nor Aini dan Chamhuri (2003) dalam kajian (Wan Azriyati, 2011) mendapati faktor yang sama menyebabkan kemiskinan bandar: tahap pendidikan rendah dan / atau kemahiran, saiz keluarga yang besar, kekurangan peluang pekerjaan dan upah yang rendah, dan kekurangan akses kepada kemudahan asas. Isi rumah miskin itu juga perlu berusaha untuk mengubah taraf hidup kearah yang lebih baik dan selesa. Menyedari keperluan ini, kerajaan telah mempelbagaikan langkah dan usaha bagi membantu isi rumah miskin keluar dari kepompong kemiskinan melalui pendidikan. Contohnya, bagi memastikan perbelanjaan pendidikan mencukupi, kerajaan telah menambahkan peruntukan kewangan kepada kira-kira 400,000 murid

miskin seluruh negara dengan menambah RM20 menjadikan jumlahnya RM50 sebulan menerusi skim bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), mulai tahun 2007 (Malaysia, 2006). Langkah ini merupakan salah satu cara mengurangkan beban keluarga dalam aspek perbelanjaan pendidikan bagi isi rumah miskin. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) kerajaan telah menfokuskan agenda utama untuk menghapuskan kemiskinan terutama kemiskinan tegar menjelang 2010. Salah satu strategi yang digariskan adalah melalui pencapaian pendidikan yang tinggi. Perkembangan positif ini jelas digambarkan melalui perangkaan pendidikan yang memberi maklumat penting dalam menilai kemajuan sektor pendidikan negara. Perangkaan ini juga memberi input asas kepada pihak penggubal dasar untuk merancang sekaligus menentukan perkembangan dan hala tuju pendidikan Negara. Oleh sebab itu, langkah dan usaha bagi memantapkan pendidikan sebagai teras pembangunan insan terus dipantau dan dinilai supaya sistem pendidikan negara mencapai kualiti yang telah disasarkan serta mampu mengatasi masalah kemiskinan. Pendidikan yang diberikan khususnya kepada golongan miskin akan mampu membantu mereka untuk memperoleh kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan yang lebih baik daripada buruh upah rendah, meningkatkan daya saing, dan meningkatkan pendidikan anak-anak mereka (MAPEN II, 2001).

Peningkatan Gelandangan

Isu gelandangan menambahkan isu kemiskinan bandar. Peningkatan golongan gelandangan saban hari kerana ketiadaan tempat tinggal dan pekerjaan. Ada juga golongan gelandangan ini yang bekerja di bandar tetapi tiada tempat penginapan. Tekanan taraf kehidupan bandar yang tinggi sehinggakan tidak mampu untuk menyewa. Selain itu juga, peluang pekerjaan di kuasai oleh pekerjaan asing menyebabkan golongan gelandangan ini meminta sedekah. Kebanjiran warga asing juga menambahkan lagi isu gelandangan di Malaysia. Kemiskinan bandar mengheret mereka menjadi melarat dan merempat (utusan Online, 13 Mac 2016).

CADANGAN DAN KESIMPULAN.

Kemiskinan merupakan masalah yang amat rumit dan memberi impak kepada pembangunan negara. Berasaskan kepada perbincangan lanjut di atas, maka dapatlah dirumuskan bahawa masalah kemiskinan bandar adalah suatu fenomena yang multi-dimensi yang disebabkan oleh berbagai faktor yang bersifat kumulatif. Ketidaktepatan perancangan dan sokongan adalah dirumuskan sebagai faktor penyebab utama kemiskinan bandar. Faktor tersebut pula berkait rapat dengan kesan kepesatan urbanisasi dan pertumbuhan bandar yang mendorong berlakunya perpindahan penduduk luar bandar ke bandar, tambahan pula dengan ketiadaan persediaan perancangan yang teratur dan sokongan akan mencetuskan berbagai masalah di bandar dan kemiskinan bandar. Selain itu, kepesatan urbanisasi dan pertumbuhan bandar pula menimbulkan berbagai masalah lain. yang turut menyumbang kepada berlakunya kemiskinan bandar. Untuk memahami dan merumuskan faktor-faktor kemiskinan bandar dengan tepat sebenarnya agak rumit, walaupun begitu hubungan kepadatan penduduk, perpindahan dan kurangnya sokongan agensi dengan faktor kemiskinan bandar adalah sudah jelas dan berkait rapat. Oleh itu, hasil analisis literatur, kertas kerja ini mencadangkan beberapa usaha dan tindakan untuk mengatasi dan mengawal kemiskinan bandar ke arah mewujudkan kesejahteraan bandar berasaskan kepada penemuan terhadap faktor-faktornya adalah seperti berikut:

- a) Kerajaan seharusnya mengutamakan keperluan asas penduduk bandar termasuklah menambah dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang sesuai, memberi bantuan pendidikan dan kesihatan (melalui subsidi), mengawal kenaikan harga barangan asas, minyak dan perumahan sebanding dengan tumpuan terhadap projek pembangunan ekonomi dan fizikal. Projek-projek tersebut banyak memberi faedah dan keuntungan kepada sebahagian golongan dalam masyarakat dan tidak kepada golongan miskin,
- b) Mengkaji dan menetapkan semula kadar gaji dengan berpandukan kepada anggaran kos-kos perbelanjaan asas bulanan (makanan, pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan) golongan dikategorikan miskin bandar,
- c) Mengukur golongan miskin bandar perlulah berasaskan kepada “jumlah pendapatan isi rumah – kadar perbelanjaan keperluan asas.” Ini memerlukan kajian komprehensif untuk membina indikator-indikator pengukurannya,
- d) Menyediakan sokongan kewangan termasuk pinjaman dan subsidi kepada golongan miskin bandar untuk memulakan perniagaan sendiri,
- e) Mengadakan inisiatif-inisiatif tertentu kepada majikan agar mengambil golongan tiada pekerjaan, dibuang kerja dan menganggur sebagai pekerja sebanyak yang mungkin. Inisiatif tersebut termasuklah pengurangan/ pengecualian tax, sokongan kewangan dan sokongan teknikal yang sewajarnya,
- f) Memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu dan perkhidmatan sistem pengangkutan awam,
- g) Melibatkan golongan miskin bandar dalam proses pembuatan keputusan berhubung dengan program untuk mereka dan mengadakan bengkel-bengkel berkaitan untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam berbagai aspek dan bidang,
- h) Meningkatkan program ke arah meningkatkan tahap kesihatan termasuk program perancangan keluarga yang boleh membantu mempercepatkan proses transisi demografi lengkap (completed demographic transition).

RUJUKAN

- Chamhuri Siwar. (2009). Pembasmian Kemiskinan Dan Ketidaksetaraan Agihan Pendapatan. *Ekonomi Malaysia Ke arah Pembangunan Seimbang*, 135-155.
- Chamhuri Siwar. (2001). *Pembangunan Mapan: Strategi "Menang-menang" Untuk Pembasmian Kemiskinan Dan Pemuliharaan Alam Sekitar* : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- FANG, C., ZHANG, X., and FAN, S. (2002). “Emergence of urban poverty and inequality in China: evidence from household survey.” *China Economic Review*. North-Holland, 13 (2002) 430–443
- Holman R. (1978), *Poverty : Explanation of Social Deprivation*. London : Martin Robertson & Co.
- Mitlin, D. (2003). “Addressing urban poverty through strengthening assets.” *Habitat International*. Elsevier Science Ltd. 27 (2003) 393–406
- Mohd. Taib Dora (2000). “Peminggiran Sosial: Keluarga Melayu Termiskin Bandar”. Skudai, UTM

- Nor Aini Haji Idris & Chamhuri Siwar (disunting) (2003). *Kemiskinan Bandar dan Sektor Tidak Formal di Malaysia*. Penerbit UKM: Bangi.
- Rancangan Malaysia Kesembilan (2006). *Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010*. Kuala Lumpur. Jabatan Pendaftaran Negara.
- Rancangan Malaysia Kesepuluh (2010). *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Kuala Lumpur. Jabatan Pendaftaran Negara.
- Satterthwaite, D. (2001). "Reducing urban poverty: Constraints on the effectiveness of aid agencies and development banks and some suggestions for change." *Environment and Urbanization*, 13(1), 137–157.
- Utusan Online, 13 Mac 2016, dipetik daripada <http://utusanonline>. 13 Mac 2016.
- Wan Nor Azriyati Wan Abd Aziz et al. (2011). *Pembasmian Kemiskinan Bandar Ke arah Bandar Inklusif dan Sejahtera : Cabaran Kuala Lumpur*. *Jurnal of Surveying, Construction & Property*, 107 -124.
- World Bank, East Asia Infrastructure Department Urban Sector Development Unit, *Urban Poverty in East Asia: a review of Indonesia, the Philippines, and Viet Nam*, East Asia Urban Working Paper Series, No. 11, September 2003
- YAO, S., ZHANG, Z., and HANMER, L. (2003). "Growing inequality and poverty in China." *China Economic Review*. 15 (2004) 145– 163